

Kerajaan tangani isu ketirisan perolehan

Kuala Terengganu: Kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai isu ketirisan perolehan memabitkan penjawat awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata jika isu rasuah dalam perkhidmatan awam tidak dicegah, pelaksanaan projek berimpak tinggi serta penyaluran bantuan kepada rakyat akan terencat terutama dalam usaha kerajaan membendung pandemik COVID-19.

Katanya, kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan SPRM mengenai tindakan susulan atau pencegahan yang perlu diambil.

“Tindakan susulan akan dilakukan segera bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi yang berjalan agak perlahan di-

sebabkan COVID-19, ditambah pula dengan berlakunya ketirisan,” katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Ulang Tahun SPRM Ke-53, dan merasmikan Kompleks SPRM negeri di Bukit Besar, di sini, semalam.

Mohd Zuki berkata, usaha memulih dan melonjakkan semula ekonomi negara pasca COVID-19 menuntut semangat jitu serta komitmen penjawat awam sebagai tonggak utama dalam menggerakkan setiap pelaksanaan agenda dirancang kerajaan.

Katanya, walaupun negara berdepan situasi sukar fasa pemulihan ekonomi, seluruh penjawat awam bekerja dengan bersungguh dan komited untuk memastikan setiap dasar dan strategi disusun kerajaan dapat dijayakan.



Mohd Zuki menerima bahan berkaitan kesedaran rasuah pada majlis perasmian Kompleks SPRM Terengganu di Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam.
(Foto BERNAMA)